

**PELAKSANAAN MEKANISMA PENGGENAPAN DALAM MENANGANI ISU BERKAITAN
PENGGUNAAN DUIT SYILING 1SEN
PA 2.2/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab	Catatan
1.	Tujuan		
1.1.	Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mekanisma dan peraturan berkenaan pelaksanaan penggenapan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen kepada 5 sen terdekat bagi semua transaksi di LGM.	Ketua Pegawai Kewangan	Diterima pakai.

2. Mekanisma Penggenapan

2.1. Mekanisma Penggenapan ialah mekanisma yang memerlukan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen digenapkan kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen digenapkan kepada 5 sen terdekat.

2.1.1. Bagi jumlah bil yang berakhir dengan 1 dan 2 sen diturunkan kepada puluh sen terdekat, bagi 3 dan 4 sen dinaikkan kepada 5 sen terdekat bagi 6 dan 7 sen diturunkan kepada 5 sen terdekat, manakala 8 dan 9 sen dinaikkan kepada puluh sen terdekat, seperti contoh 1 berikut:

Contoh 1			
Penggenapan	Jumlah bil sebelum digenapkan (RM)	Jumlah Bil Pelarasan Penggenapan (RM)	Jumlah bil selepas digenapkan (RM)
Ke bawah (puluh sen terdekat)	5.01	-0.01	5.00
	5.02	-0.02	
Ke atas (lima sen terdekat)	5.03	+0.02	5.05
	5.04	+0.01	
Ke bawah (lima sen terdekat)	5.06	-0.01	5.05
	5.07	-0.02	
Ke atas (puluh sen terdekat)	5.08	+0.02	5.10
	5.09	+0.01	

No

Perkara

Tanggungjawab

Catatan

- 2.1.2. Di dalam mekanisma ini, penggenapan hanya dibuat pada jumlah keseluruhan bil atau bil bulanan yang perlu dibayar (due for payment) dan bukan bagi setiap item di dalam bil berkenaan, seperti contoh 2 berikut:

Contoh 2

Diturunkan		Dinaikkan	
Tanpa Cukai		Dengan Cukai	
Perkhidmatan 1	9.99	Perkhidmatan 1	9.99
Perkhidmatan 2	19.96	Perkhidmatan 2	45.00
Perkhidmatan 3	10.00	Perkhidmatan 3	15.21
Perkhidmatan 4	20.12	Perkhidmatan 4	20.54
Jumlah	60.07	Jumlah kecil	90.74
Pelarasan		Cukai 5%	4.54
Penggenapan	-0.02	Jumlah	95.28
Penggenapan	60.05	Pelarasan	
		Penggenapan	-0.02
		Penggenapan	95.30

Baris tambahan di dalam bil dan resit untuk menunjukkan Penggenapan

- 2.1.3. Akaun Subsidiari ABT ialah Akaun Belum Terima yang disenggarakan bagi menunjukkan jumlah amaun yang sepatutnya dituntut dan amaun yang telah diterima daripada individu/firma.

3. Peraturan Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan

3.1. LGM dikehendaki:

- 3.1.1. Melaksanakan mekanisma penggenapan di peringkat sumber (*at source*) iaitu semasa cetakan bil bagi semua urusniaga di bawah bidang kuasa masing-masing;
- 3.1.2. Mempamerkan jadual mekanisma penggenapan di Pejabat yang menguruskan penerimaan pembayaran dan;

LGM tidak mempunyai kaunter pembayaran seperti JPJ atau Imigresen

No	Perkara	Tanggungjawab	Catatan
3.1.3.	Menunjukkan pelarasan penggenapan di dalam bil dan resit bagi memastikan pengguna dimaklumkan cara penggenapan dilakukan.		
3.2.	Mekanisme penggenapan juga merangkumi transaksi bukan tunai di— pejabat seperti pembayaran menggunakan cek dan kad kredit atau kaedah-kaedah lain pembayaran elektronik.		
3.3.	Pelaksanaan mekanisma ini tidak memberi kesan kepada harga asal barangan / perkhidmatan yang dibekalkan.		